FPP
BizNewz
January – May 2022
MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Mengapa Pelaburan Emas Menjadi Pilihan?

Telur Mana Telur?

An Affair of Online Learning and Covid-19

Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK Ke-12

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman

eISSN 2600-9811
Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

[1]Nik Fazlin Hiryati Nik Jaafar, [2]Wan Ahmad Khusairi Wan Chek
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.
[2]Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

Gambar Ihsan Azwani (Menjelang Awal Muharam 1444H)

 eISSN 2600-9811

Manusia itu, begitu banyak impian dan harapan
Tersusun di dalam diri pelbagai kehendak dan kemahuan
Namun, semua itu sesungguhnya tertakluk kepada Tuhan

Jika belum tiba masanya…
Apa yang dikehendaki tidak juga diperolehi
Apa yang diinginkan belum muncul jua
Kerana yang merancang itu KITA dan yang menentukannya adalah DIA
KITA dan DIA amat berbeza
Justeru, apa yang dihairankan jika kita belum berhasil

Keinginan belum tentu menghasilkan usaha
Jika sudah berusaha pula, belum tentu datangnya hasil
Kerana masanya belum tiba…
Jenuh difikirkan apa lagi yang tidak kena
Usaha sudah, tawakal sudah
Oh! Rupanya Allah belum izinkan kerana belum tiba masanya

Jika sudah tiba masanya…
Di wajah pasti ada senyuman
Di hati pula pasti girang
Maklumlah, hajat sudah tertunai
Ada juga yang tidak disangka-sangka dipenuhi jua Sang Maha Kaya
Rasa terharu, rasa termalu sendiri dan senyap-senyap hati ini mengakui kehebatan Allah yang Maha Esa

Jika sudah tiba masanya…
Allah pasti berikan jalan, ilham dan kemudahan
Jika dulu terasa sukar, kabur dan tidak yakin, bahkan keliru
Jika sudah tiba masanya…
Allah pasti satu-satunya tempat pergantungan
Jika dulu, pergantungan tersasar, arah juga tersalah

Yakinlah… sendiri ada waktunya Aturan kita tidak sempurna
Aturan Allah jualah yang terbaik
Ubat paling mujarab adalah dengan teruskan bersabar dan berlapang dada Bersangka baik dan terus suburkan pengharapan itu
Satu ketika nanti, masanya pasti akan tiba… Percayalah
Hanya kepada Engkau kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan (Al Fatihah)

BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com